

Berkayuh sambil nikmati keindahan alam

Pekan: Penganjuran 1st International Universiti Malay-sia Pahang (UMP) EcoRide 2017 menarik lebih 500 peminat sukan berbasikal, sekali gus mempromosikan aktiviti itu sebagai satu cara beriadah sambil menghayati keindahan di negeri ini.

Pada masa sama, program itu merencanakan Tahun Melawat Pahang (TMP) 2017 bagi menarik minat pengunjung memilih Pahang sebagai destinasi pelancongan menarik.

Penganjuran acara itu juga sebagai aktiviti menyokong gaya hidup sihat yang menyumbang kepada kesejahteraan dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa UMP, sekali gus mewujudkan pengalaman kampus kondusif kepada pihak luar yang berpeluang menyaksikan sendiri suasana kehijauan kampus berkenaan.

Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya mengalu-alukan penyertaan peserta



DR Daing Nasir (dua dari kanan) melepaskan peserta UMP Eco Ride 2017 di UMP Pekan.

individu dan kelab termasuk dari luar Pahang, malah agensi luar yang bersama-sama menyumbangkan tenaga dalam memastikan program berjalan lancar.

“Aktiviti berbasikal adalah senaman ideal bagi masya-

rakat di semua peringkat usia dan latar belakang selain meningkatkan kecergasan yang meredakan keletihan serta kelesuan.

“Dengan impak yang begitu positif kepada peningkatan kesihatan individu

dan kosnya berpatutan, sukan berbasikal sememangnya boleh ditampilkan sebagai aktiviti yang boleh disertai warga kampus dan masyarakat,” katanya selepas melepaskan peserta pertandingan UMP EcoRide

2017 di UMP Pekan, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, selain impak kepada peningkatan kesihatan, penyertaan dalam aktiviti berbasikal turut memberi peluang kepada peserta mendekati alam sekitar bersama komuniti melalui aktiviti sampingan dijalankan.

Katanya, dalam acara itu peserta berpeluang menikmati persekitaran menarik dalam laluan Fun Ride sejauh 30 kilometer (km) dan laluan perlumbaan EcoRide sejauh 120km sambil menikmati keindahan alam sekitar laluan di sepanjang kawasan perkampungan tradisional di Sungai Soi, Cherok Paloh, Lamir, Ganchong, Maulana dan Marhum.

“UMP berhasrat menjadikan EcoRide sebagai acara tahunan universiti ini,” katanya.